

Unit 4.4 Menjaga dan Menaikkan Imej Sekolah

Soalan 1. Isikan tempat kosong dengan perkataan yang betul. 10 markah

kokurikulum

kegiatan

melibatkan

peringkat

menimba

bakat

pemimpin

pertandingan

kerjasama

ditawarkan

Aktiviti kokurikulum adalah 1. _____ membina sikap positif dan memupuk keyakinan murid.

Pada masa yang sama, aktiviti kokurikulum akan membantu mengembangkan

2. _____ murid sama ada bentuk kepimpinan terutama dalam merancang, menyelesaikan dan membuat keputusan. Antara aktiviti kokurikulum yang 3. _____ di sekolah ialah persatuan berpakaian seragam seperti pengakap, pandu puteri, kadet polis dan bulan sabit. Murid-murid juga boleh melibatkan diri dalam persatuan-persatuan yang diwujudkan di sekolah contohnya kelab Bahasa Melayu dan kelab Matematik. Murid-murid juga mempunyai pilihan untuk menyertai beberapa kegiatan 4. _____ yang berbentuk 5. _____ seperti Mari Bercerita, kuiz, pidato dan lain-lain.

Kegiatan kokurikulum yang selalu diadakan di 6. _____ sekolah setiap tahun ialah acara sukan tahunan dan acara sambutan tahunan penutup sekolah. Dengan 7. _____ diri, murid-murid sebenarnya, mencabar diri mereka untuk bersaing, 8. _____ pengalaman dan meraih pengetahuan baru. Kegiatan kokurikulum membantu murid menjadi seorang 9. _____ dan perancang dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Kegiatan ini juga mengajar murid erti 10. _____ berpasukan bagi menghasilkan satu keputusan yang baik dan seragam. Murid-murid yang tidak berminat menyertai kokurikulum dianggap kurang cergas dan tidak ada keyakinan diri.

Soalan 2. Asingkan kepentingan melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum di tempat yang betul.

Kepentingan Melibatkan Diri Dalam Kegiatan Kokurikulum	
Keuntungan Melibatkan diri	Kerugian Tidak Melibatkan Diri
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
5.	5.

Terdapat kemungkinan kurang percaya diri untuk maju	Pengalaman yang boleh diterapkan selepas tamat sekolah
Kurang pendedahan tentang nilai-nilai bekerjasama dan pentingnya berkongsi idea yang pelbagai	Mengasah bakat kepimpinan
Membina keyakinan diri	Kurang pendedahan tentang pengalaman bagaimana mengurus emosi
Pencapaian kejayaan dikatakan kurang seimbang jika murid hanya berjaya dalam akademik tetapi tidak aktif dalam aktiviti kokurikulum sekolah	Membina sikap positif
Semangat bekerjasama, tolong-menolong dan berkongsi idea	Kurang pendedahan bagaimana menyelesaikan masalah dan membuat keputusan